

## SURAH LUQMAN



Surah: 31 Juzuk: 21 Bil. Ayat: 34

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Alif, Laam, Miim.
2. Inilah ayat-ayat al-Quran yang mengandung hikmah.
3. Sebagai hidayah dan rahmat bagi orang yang melakukan kebaikan.
4. Iaitu orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat, serta mereka yang meyakini wujudnya hari akhirat.
5. Mereka itulah yang tetap mendapat hidayah daripada Tuhan mereka dan merekalah orang yang berjaya.
6. Di antara manusia ada yang membelanjakan hartanya untuk cerita-cerita dan hiburan-hiburan yang melalaikan, yang menyesatkan (dirinya dan orang ramai) daripada agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejekan, merekalah orang yang akan mendapat azab yang menghinakan.
7. Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, berpalinglah dia dengan sombong, seolah-olah ada penyumbat pada kedua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْم ﴿١﴾

تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ ﴿٢﴾

هُدًى وَرَحْمَةً لِّلْمُحْسِنِينَ ﴿٣﴾

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ

بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُقْلِحُونَ ﴿٥﴾

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ

عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا

أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ آيَاتُنَا وَآلِي مَسْتَكْبِرًا

كَانَ لَمْ يَسْمَعْهَا كَأَنَّ فِي أُذُنَيْهِ وَقْرًا فَبَسَّطَهُ

بِعَذَابٍ إِلَيْهِ ﴿٧﴾

telinganya. Maka gembirakanlah dia dengan balasan azab yang sangat pedih.

8. Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan mendapat syurga yang penuh dengan kenikmatan.
9. Mereka kekal di dalamnya. Sebagai janji Allah yang benar. Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
10. Dia menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu lihat. Dia juga meletakkan gunung-ganang di permukaan bumi supaya bumi itu tidak menggoyangkan kamu dan Dia mengembangbiakkan padanya pelbagai jenis binatang. Kami menurunkan air (hujan) dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat.
11. Inilah ciptaan Allah, maka tunjukkanlah kepadaKu apakah yang telah diciptakan oleh makhluk-makhluk selain daripadaNya (yang kamu sembah itu)? (Tidak ada sesuatu pun), bahkan orang yang zalim (dengan perbuatan syirikNya) itu berada dalam kesesatan yang nyata.
12. Sesungguhnya Kami telah kurniakan kepada Luqman hikmah kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya):

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ  
جَنَّاتُ النَّعِيمِ ﴿٨﴾

خَالِدِينَ فِيهَا وَعَدَّ اللَّهُ حَقًّا وَهُوَ الْعَزِيزُ  
الْحَكِيمُ ﴿٩﴾

خَلَقَ السَّمَوَاتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۚ وَالْفِئَافِ  
الْأَرْضِ رَوْسِي أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَيَتَّ فِيهَا مِنْ  
كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا  
فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿١٠﴾

هَذَا خَلْقُ اللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ الَّذِينَ مِنْ  
دُونِهِ ۗ بَلِ الظَّالِمُونَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَانَ الْحِكْمَةَ أَنْ اشْكُرْ لِلَّهِ  
وَمَنْ يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ وَمَنْ  
كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾

“Bersyukurlah kepada Allah (di atas segala nikmatNya kepadamu)». Sesiapa yang bersyukur maka faedah syukur itu kembali kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

13. (Ingatlah) ketika Luqman menasihati anaknya dengan berkata: «Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah, sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar».
14. Kami telah memerintahkan manusia agar melakukan kebaikan kepada kedua ibu bapanya, ibunya telah mengandungkannya dalam keadaan lemah (daripada awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam usia dua tahun. (Maka) bersyukurlah kepadaKu serta kepada kedua ibubapamu dan hanya kepada Akulah tempat kembali.
15. Jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukanKu dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahuinya maka janganlah engkau taat kepada mereka dan bergaullah dengan mereka

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَذَا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ أَشْكُرْ لِي وَوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

di dunia dengan cara yang baik. Ikutilah jalan orang yang telah kembali kepadaKu, kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu, maka Aku akan menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah lakukan.

16. (Luqman menasihati anaknya dengan berkata): «Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perbuatan walaupun seberat biji sawi dan ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, pasti Allah akan mendatangkannya (untuk diberi balasan) kerana sesungguhnya Allah Maha Halus<sup>(1)</sup> lagi Maha Mendalam PengetahuanNya».
17. «Wahai anak kesayanganku, dirikanlah solat dan suruhlah ke arah kebaikan. Cegahlah perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpamu. Sesungguhnya itu adalah antara perkara yang paling penting».
18. «Janganlah engkau memalingkan wajahmu (kerana memandang rendah) kepada manusia dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang sombong. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada setiap orang yang sombong serta membanggakan diri».

يَبْنِيَّ إِنَّهَا إِنْ تَكَرَّرَتْ بِكَ مِنْ حَزَلٍ فَتَكُنْ  
فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي السَّمَوَاتِ أَوْ فِي الْأَرْضِ يَأْتِ  
بِهَا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ حَكِيمٌ ﴿١٦﴾

يَبْنِيَّ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ  
مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

وَلَا تَصْعَرَ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَتَّبِعْ فِي الْأَرْضِ  
مَرِحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

1 Allah Maha Halus bermaksud ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu walau sekecil manapun.

19. «Sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan<sup>(1)</sup>, serta rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata). Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai».
20. Tidakkah kamu melihat bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan di bumi? Dia telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmatNya yang zahir dan yang batin. Namun, di antara manusia ada yang membantah tentang (sifat-sifat) Allah tanpa bersandarkan ilmu, petunjuk dan al-Quran yang memberi penerangan.
21. Apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): «Ikutilah apa yang telah diturunkan oleh Allah». Mereka menjawab: «(Tidak), bahkan kami hanya mengikut apa yang kami dapati daripada nenek moyang kami». Patutkah mereka (mengikut nenek moyang mereka) walaupun sebenarnya syaitan mengajak mereka itu ke dalam azab neraka yang marak menjulang?
22. Sesiapa yang berserah diri kepada Allah (dengan ikhlas) sedangkan dia berusaha untuk melakukan kebaikan, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَعْصِصْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ  
أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ﴿١٩﴾

أَلْوَتَرُوا أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُمْ مَافِي السَّمَوَاتِ وَمَافِي  
الْأَرْضِ وَأَسْمِعَ عَلَيْكُمْ لَعْمَهُمُ الظَّاهِرَةَ وَالْبَاطِنَةَ  
وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ  
وَلَا هُدًى وَلَا كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ  
نَتَّبِعُ مَا وَجَدْنَا عَلَيْنَا آباءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ  
السَّبْطُ بِيَدِهِمْ لَدَعَوْهُمْ إِلَىٰ عَذَابِ السَّعِيرِ ﴿٢١﴾

﴿٢٢﴾ وَمَنْ يُسَلِّمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ  
فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ  
عَقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٢٢﴾

1 Berjalanlah dengan sopan dan merendahkan hati. Jangan berjalan terlampau cepat dan jangan pula terlalu lambat.

simpulan (tali agama) yang teguh dan (ingatlah), kepada Allah jua kesudahan segala urusan.

23. Sesiapa yang kufur, maka janganlah engkau (wahai Muhammad) merasa sedih dengan kekufurannya itu. Kepada Kamilah tempat mereka kembali, kemudian Kami akan memberitahu kepada mereka tentang apa yang mereka telah lakukan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui semua yang terkandung di dalam dada.
24. Kami akan biarkan mereka menikmati kesenangan buat sementara (di dunia), kemudian Kami akan memaksa mereka (dengan menyeret mereka) ke dalam azab yang amat berat.
25. Sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: «Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?» Sudah pasti mereka akan menjawab: «Allah». Katakanlah: «Alhamdulillah», bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui.
26. Allah jua yang memiliki apa yang ada di langit dan di bumi, sesungguhnya Allah Dialah yang Maha Kaya lagi sentiasa Terpuji.
27. Sekiranya segala pohon yang ada di bumi (seluruh dunia) menjadi pena dan seluruh lautan (menjadi

وَمَنْ كَفَرَ فَلَا يَحْزُنكَ كُفْرُهُ ۗ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ  
فَنُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٢٣﴾

نُمِعُهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُّهُمْ إِلَىٰ عَذَابٍ  
عَلِيلٍ ﴿٢٤﴾

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ  
لَيَقُولنَّ اللَّهُ ۗ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ ۗ بَلْ أَكْثَرُهُمْ  
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَنِيُّ  
الْحَمِيدُ ﴿٢٦﴾

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَمٌ

tinta), dengan dibantu pula tujuh lautan lagi selepas itu, pasti tidak akan habis kalimah-kalimah Allah itu ditulis. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

28. Mencipta dan membangkitkan kamu (bagi Allah) hanyalah seperti mencipta dan membangkitkan satu jiwa sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
29. Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam (silih berganti). Dia menundukkan matahari dan bulan, masing-masing beredar pada waktu yang telah ditetapkan. (Ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan.
30. Demikianlah, kerana sesungguhnya Allah, Dialah Tuhan yang sebenarnya, apa sahaja yang mereka seru selain daripada Allah adalah batil<sup>(1)</sup>. Sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Tinggi lagi Maha Besar (kekuasaanNya).
31. Tidakkah engkau perhatikan sesungguhnya kapal-kapal belayar di laut dengan nikmat

وَالْبَحْرُ يُمْدَدُ مِنْ بَعْدِهِ سَبْعَةَ أَبْحُرٍ  
مَا نَفَدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ  
حَكِيمٌ ﴿٢٧﴾

مَا خَلَقَكُمْ وَلَا يَعْثُبُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَاحِدَةٍ  
إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿٢٨﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ  
النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ كُلٌّ  
يَجْرِي إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَأَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ  
تَعْمَلُونَ حَيَّرٌ ﴿٢٩﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ  
دُونِهِ الْبَطْلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ﴿٣٠﴾

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلْكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ يَنْعَمَتَ اللَّهُ  
لِيُرِيَكُمْ مِنْ آيَاتِهِ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ

1 Berdosa dan menjadi kesalahan yang besar.

Allah, untuk diperlihatkan kepada kamu sebahagian daripada tanda-tanda kebesarannya? Sesungguhnya pada semua itu terdapat tanda-tanda kekuasaan bagi setiap orang yang banyak bersabar dan banyak bersyukur.

32. Apabila mereka digulung ombak yang besar seperti gunung, mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlasakan kepercayaan mereka kepadanya semata-mata. Kemudian ketika Allah menyelamatkan mereka sampai ke daratan maka hanya sebahagian sahaja yang tetap mengikut jalan yang lurus. Adapun yang mengingkari ayat-ayat Kami hanyalah pengkhianat yang tidak bersyukur.

33. Wahai semua manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu dan takutilah hari<sup>(1)</sup> yang mana seseorang (ibu atau) bapa tidak dapat menolong anaknya (daripada azab dosanya). Seorang anak pula tidak dapat menolong ibu atau bapanya (daripada azab dosa masing-masing) sedikit pun. Sesungguhnya janji Allah itu pasti benar, maka janganlah kamu terperdaya dengan kehidupan dunia dan jangan pula kamu terperdaya dengan penipu dalam mentaati Allah.

إِكْلِ صَبَّارٍ شَكُورٍ ﴿٢١﴾

وَإِذْ أَعْيَسُوا مَوْجًا كَالظَّلِيلِ دَعَوْا اللَّهَ  
مُخْلِصِينَ لَهُ الَّذِينَ فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ  
فَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمَا يَجْحَدُونَ بِآيَاتِنَا إِلَّا  
كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ ﴿٢٢﴾

يَأْتِيهَا النَّاسُ أَتْفُورًا تَكُورًا وَأَخْشَوْا يَوْمًا  
لَا يَجْزِي وَالِدٌ عَنْ وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَارِعٌ  
عَنْ وَالِدِهِ شَيْئًا إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا  
تَغُرَّنَّكُمْ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا  
يَغُرَّنَّكُمْ بِاللَّهِ الْغُرُورُ ﴿٢٣﴾

1 hari akhirat

34. Sesungguhnya Allah mempunyai ilmu tentang hari kiamat. Dialah yang menurunkan hujan dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Tiada seseorang pun yang mengetahui apa yang akan diusahakannya esok dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi (negeri) manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam PengetahuanNya.

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ السَّاعَةِ وَيُنزِلُ  
الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِي  
نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ غَدًا وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ  
بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ﴿٢٤﴾

